



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN

KERAJAAN MENGURANGKAN HARGA RUNCIT DIESEL SEBANYAK 5 SEN SELITER BAGI TEMPOH 21 OGOS 2025 HINGGA 27 OGOS 2025

Seiring dengan perubahan harga pasaran minyak dunia, Kerajaan memutuskan untuk mengurangkan harga runcit **diesel di Semenanjung Malaysia sebanyak 5 sen kepada RM2.85 seliter bagi tempoh 21 Ogos 2025 hingga 27 Ogos 2025.**

Kerajaan akan terus memantau perkembangan pasaran dan menyelaras harga runcit diesel dengan mengambil kira pergerakan harga pasaran minyak dan juga menyokong kestabilan harga.

Sehubungan itu, berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism*, harga runcit produk petroleum bagi tempoh **21 Ogos 2025 hingga 27 Ogos 2025** adalah ditetapkan seperti berikut:

- (i) harga runcit petrol RON97 kekal pada paras RM3.13 seliter;
- (ii) harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.05 seliter;
- (iii) harga runcit diesel di Semenanjung Malaysia diturunkan sebanyak 5 sen kepada paras RM2.85 seliter; dan
- (iv) harga runcit diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan kekal pada paras RM2.15 seliter.

Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

20 Ogos 2025